



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 20 Jun 2023

NESTUM Dorong Rakyat Malaysia Serlahkan Kreativiti Dalam Cabaran Memasak!

Pemenang Hadiah Utama Bawa Pulang RM15,000 & Sertai Masterclass Eksklusif dengan Pengasas Gula Cakery

PETALING JAYA, 20 Jun 2023 – NESTUM, jenama bijirin campuran yang digemari ramai terus mendorong rakyat Malaysia untuk menyerlahkan kreativiti dalam Kempen NESTUM Reka Rasa Raya 2023! Mereka yang gemar membuat roti, kuih dan kek berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik di peringkat akhir kempen melalui *NESTUM Bake-Off Challenge* (Cabaran Hidangan NESTUM).

Kempen NESTUM Reka Rasa Raya yang berlangsung selama tempoh lapan minggu dari 1 Mac hingga 30 April 2023 sempena sambutan Hari Raya, menawarkan hadiah berjumlah RM100,000 kepada rakyat Malaysia di seluruh negara, dengan 450 pemenang mingguan. Kempen ini berakhir dengan *Bake-off Challenge* yang menyaksikan sembilan peserta bersaing untuk merebut hadiah utama bernilai RM15,000. Pemenang hadiah utama juga berpeluang menyertai sesi MasterClass atau Kelas Pakar perseorangan eksklusif bersama Arieni Adriena, usahawan dan pengasas bakeri tempatan popular, Gula Cakery, yang turut hadir sebagai mentor dan pengadil *Bake-off Challenge* bersama pengacara selebriti dan personaliti terkenal Alif Satar dan Chef Eksekutif Korporat Nestlé, Chef Muluk.

Wong Eu Khean, Pegawai Eksekutif Perniagaan Bahagian Tenusu & Pemakanan Dewasa, Nestlé (Malaysia) Bhd, berkata, "*Bake-off Challenge* adalah sebahagian daripada usaha kami untuk menggalakkan rakyat Malaysia meneroka kepelbagaian yang ditawarkan oleh NESTUM untuk memasak dan membuat roti, kuih dan kek, dengan mencipta sajian yang mudah & lazat. Dengan rangkaian produk yang luas, NESTUM dipenuhi dengan khasiat

kebaikan yang mudah diserap dalam resipi untuk meningkatkan citarasa dan kandungan pemakanan. NESTUM mengandungi serat pemakanan yang sihat dan nutrien penting lain seperti protein, kalsium, zat besi, vitamin C & D. Selain daripada hadiah-hadiah menarik, kami memberi peluang kepada peserta untuk menguji kemahiran dan mendapat nasihat daripada mentor-mentor berpengalaman dalam cabaran ini. Kami berharap pengalaman ini juga menyokong mereka dalam perjalanan mereka sebagai usahawan bakeri. Kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pemenang hadiah utama dan syabas kepada semua peserta!"

Bake-off Challenge menjadi medan untuk para peserta memperlihatkan kepelbagaian rangkaian produk NESTUM. Barisan pengadil kemudian menilai resipi mereka berdasarkan kriteria tertentu, seperti kreativiti dan keaslian, penampilan dan penyampaian resipi dan kemudahan penyediaan.

Yin Yin Chow, seorang guru berusia 35 tahun dari Kuala Lumpur telah muncul sebagai pemenang dengan resipi Tart Ros Nestum rekaannya yang inovatif.

Jelas gembira untuk dipilih sebagai pemenang hadiah utama, Yin berkata, "NESTUM benar-benar bersifat serba guna dan boleh digunakan dalam pelbagai resipi, bukan sahaja untuk membuat roti, kuih dan kek tetapi juga untuk memasak sajian lain. Saya sangat gembira untuk melihat sajian yang disediakan oleh peserta lain. Sememangnya ada banyak resipi hebat untuk dipelajari daripada mereka! Saya tidak sabar-sabar untuk menuntut ilmu baharu daripada Arieni Adriena di *MasterClass* tersebut dan berharap untuk meningkatkan keyakinan saya. Terima kasih sekali lagi kepada Nestlé Malaysia dan NESTUM kerana memberi peluang ini!"

Beraskan kreativiti dan kemahiran yang ditunjukkan di *Bake-Off Challenge*, lapan peserta lain telah memenangi baucar tunai bernilai RM3,000 setiap seorang. Ciptaan lain termasuk Paf Kurma & Prun NESTUM, Kek Rapuh NESTUM dengan *Mousse* Oren dan Kek Keju Baklava NESTUM. Para peserta juga berpeluang menyaksikan demonstrasi membuat Kepingan Coklat NESTUM oleh Alif Satar dan Pavlova Mini NESTUM oleh Arieni

Adriena, yang turut berkongsi pengalaman sebagai usahawan dan memberikan tip membuat roti, kuih dan kek.

Pertandingan yang diadakan jelas menunjukkan betapa mudahnya menggabungkan produk-produk 'aromalicious' Nestum yang lazat beraroma untuk menyediakan pelbagai masakan dan juadah, daripada rangkaian produk NESTUM 3-dalam-1 yang boleh didapati dalam perisa berbeza, kepada Bijirin Seisi Keluarga NESTUM yang sesuai untuk setiap ahli keluarga. Diperbuat daripada bijirin campuran yang kaya dengan nutrien, NESTUM ialah pilihan ideal untuk rakyat Malaysia meningkatkan pengambilan serat, protein dan bijirin penuh dalam diet dengan menambahnya kepada resipi dan juga minuman kegemaran mereka, sejajar dengan pendekatan #Tambahje NESTUM.

Untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia mempelajari lebih lanjut tentang manfaat pemakanan NESTUM, di acara akhir tersebut NESTUM turut memperkenalkan Trak NESTUM yang akan menjelajah seluruh negara bermula pada hujung bulan Jun 2023.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
Mobile: +6012-235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Mobile: +6019-688 7204 (Shahida Irawan) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my